

24/04/1997

MAM anjur program peringati Aids

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Aids Malaysia (MAM) menganjurkan program Minggu Memperingati Aids 1997 Peringkat Kebangsaan selama empat hari, bermula 1 Mei ini, yang diadakan di beberapa tempat sekitar ibu negara.

Program yang bertemakan 'Hargai Setiap Insan, Muliakan Setiap Pemergian' diadakan sempena Hari Memperingati Aids Antarabangsa Ke-14 yang disambut pada 4 Mei ini.

Pengerusi MAM, Datuk Marina Mahathir, berkata tema itu dipilih sebagai usaha meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan kesihatan, maruah dan nyawa mangsa HIV dan Aids.

Katanya, pelbagai acara diatur sepanjang program berkenaan termasuk kegiatan pameran mobilisasi Aids selama tiga hari di Pasar Budaya, Pesta Filem Aids di British Council, pameran seni terapi di Galeri Wan, Bangsar dan konsert 'Malam Memperingati Aids' di Dataran Merdeka.

Selain itu, turut diadakan ialah pameran poster yang dilukis oleh sekumpulan pelajar kursus senireka Institut Teknologi Kreatif Limkokwing dan acara simbolik meletakkan 'kasut kosong' sebagai lambang kematian rakyat Malaysia akibat Aids.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik akan menjadi tetamu kehormat di upacara penutup program itu di Dataran Merdeka pada malam 4 Mei ini.

(END)